

## **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap kebolehan kemahiran menulis bahasa Arab dalam kalangan murid-murid sekolah kebangsaan menerusi program j-QAF berdasarkan objektif pembelajaran yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Selain daripada itu kajian ini turut bertujuan mengenal pasti masalah-masalah dan faktor-faktor kelemahan murid-murid dalam aktiviti penulisan bahasa Arab menerusi program j-QAF. Seramai 80 orang murid tahun enam dan 4 orang guru dari Sekolah Taman Klang Jaya, Klang Selangor telah terlibat dalam kajian kes ini. Satu set ujian kemahiran menulis bahasa Arab telah ditadbir untuk murid-murid kajian berdasarkan buku teks dan soalan-soalan peperiksaan lepas. Seterusnya satu set soal selidik untuk murid-murid kajian dan satu sesi temu duga bersama guru-guru bahasa Arab j-QAF telah diadakan bagi mendapatkan maklumat mengenai minat, amalan pembelajaran bahasa Arab murid serta peranan guru dalam membantu pelajar menulis bahasa Arab. Maklumat yang di peroleh dianalisis dengan menggunakan SPSS (Statistical Packages Of Sciences Social Versi 12) dan juga secara manual. Bagi ujian penguasaan kemahiran menulis telah diberikan skor mengikut skala gred pemarkahan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Hasil analisis ditunjukkan dalam bentuk peratus, kekerapan dan min. Hasil kajian mendapati bahawa kebanyakan murid mempunyai tahap penguasaan adalah baik (35%) menurut skala gred pencapaian UPSR. Secara keseluruhannya, penguasaan kemahiran menulis bahasa Arab dalam kalangan murid sekolah kebangsaan melalui program j-QAF berada pada tahap yang baik iaitu dengan bilai min sebanyak 63.6. Meskipun demikian, mereka didapati lemah dalam penguasaan menulis ayat bahasa Arab dan menukar pola kata kerja kala lampau, kata kerja kala kini dan kata kerja imperatif. Selain dari itu, semua guru didapati memainkan peranan proaktif dalam meningkatkan penguasaan murid-murid terhadap bahasa Arab khususnya kemahiran menulis. Akhirnya, kajian ini memberikan beberapa cadangan untuk meningkatkan tahap penguasaan kemahiran menulis bahasa Arab dalam kalangan murid sekolah kebangsaan.

## **ABSTRACT**

This study aims to examine the mastery of Arabic writing skills among primary school students, through the j-QAF programme based on learning objectives set by the Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM), Ministry of Education, Malaysia. In addition, this study seeks to identify the problems and weaknesses of the students in Arabic writing activities. A total of 80 students in year six and four teachers from Sekolah Taman Klang Jaya, Klang, Selangor were involved in this case study. A set of Arabic writing skills tests were administered to students based on textbooks and past year examination questions. In addition, a set of questionnaire was administered to the students and an interview session was held with the Arabic language teachers to obtain information on the students' interest, their Arabic learning practice as well as the teachers roles in helping their students to write Arabic . The information obtained was analyzed using SPSS ( Statistical Packages Of Social Sciences, Version 12 ) and also manually. To test the mastery of writing skills, scores were given according to grade scoring scale of the Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). The results of the analysis were shown in the form of percentages and frequencies. The study found that most students had a good (35 %) mastery based on the grading scale. Overall, the mastery of Arabic writing skills among the primary school students through the j-QAF programme is good with the mean of 63.6. However , they performed poorly in the mastery of writing sentences in Arabic and changing the patterns of past tense verbs, present tense verbs and imperative verbs. In addition, all teachers were found to be playing a proactive role in increasing the mastery of Arabic language, particularly writing skills. Finally, this study provides several suggestions to increase the mastery of Arabic writing skills among primary school students.